



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**PENDAFTARAN MURID TAHUN 1 BAGI KALENDAR AKADEMIK
TAHUN 2027**

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa pendaftaran murid Tahun 1 bagi Kalendar Akademik Tahun 2027 akan dilaksanakan secara dalam talian bermula 15 Februari hingga 31 Mac 2026 melalui Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan (MOEIS) di <https://idme.moe.gov.my>.

Pendaftaran adalah terbuka kepada kanak-kanak warganegara Malaysia kohort enam tahun (5+) dan tujuh tahun (6+) seperti berikut:

KOHORT	TARIKH LAHIR
Enam tahun (5+)	2 Januari – 31 Disember 2021
Tujuh tahun (6+)	2 Januari 2020 – 1 Januari 2021

Ini selaras dengan keputusan Kerajaan yang membuka peluang kepada kanak-kanak berusia enam tahun (5+) memasuki Tahun 1 bermula pada 2027 secara sukarela dan tanpa perlu menduduki ujian saringan.

Ibu bapa dan penjaga disarankan untuk mendaftar akaun di Sistem Pengurusan IDentiti (idMe), mengemas kini maklumat peribadi dan mengemukakan permohonan menerusi MOEIS mengikut tempoh yang ditetapkan bagi memastikan proses pendaftaran berjalan lancar. Maklumat lanjut berkaitan perkara ini boleh dirujuk menerusi laman portal rasmi KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Inisiatif untuk menggalakkan kemasukan kanak-kanak berusia enam tahun (5+) ke Tahun 1 adalah langkah progresif Kerajaan MADANI bagi memastikan perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak serta pada masa sama memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pendidikan.

TAMAT

**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
28 JANUARI 2026**